AUTHOR: No author available SECTION: NEWS AUDIENCE : 32,269 PAGE: 10 PRINTED SIZE: 288.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/White ASR: MYR 3,123 WORDS: 312
ITEM ID: DP0122373751

29 OCT, 2026

ST bangunkan garis panduan penjanaan elektrik sendiri pusat data: Fadillah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

SOAL JAWAB: Fadillah ketika sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan sempena Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen semalam. — Gambar Bernama

ST bangunkan garis panduan penjanaan elektrik sendiri pusat data: Fadillah

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang membangunkan kerangka dan garis panduan menyeluruh mengenai kemudahan penjanaan elektrik sendiri serta penggunaan tenaga boleh baharu bagi sektor pusat data.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Datuk Seri Fadillah Yusof berkata usaha itu selaras dengan keputusan kerajaan menetapkan penggunaan sekurang-kurangnya 30 peratus tenaga boleh baharu bagi sektor berkenaan.

Beliau berkata industri pusat data turut digalakkan membangunkan kemudahan penjanaan sendiri melalui inisiatif solar untuk kegunaan sendiri bagi mengelakkan peningkatan kos bekalan elektrik kepada pengguna lain.

"Pendekatan ini bertujuan meningkatkan penggunaan tenaga yang dijana sendiri oleh sektor pusat data di samping mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada bekalan elektrik daripada grid nasional.

"Di samping itu, pusat data perlu dilengkapi dengan backup generator yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan kawalan permintaan, khususnya untuk mengurangkan tekanan tambahan kepada sistem grid semasa tempoh kritikal dan ketika rizab operasi berada pada paras rendah," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) mengenai pelan kontingensi kerajaan bagi memastikan operasi pusat data tidak menjejaskan bekalan elektrik dan air rakyat ketika kemarau atau gangguan bekalan.

Fadillah berkata pusat data turut digalakkan menyertai Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS) bagi mendapatkan bekalan tenaga hijau secara langsung.

Beliau berkata setiap permohonan bekalan elektrik bagi pembangunan pusat data melalui penilaian teknikal menyeluruh oleh Energy Focus Group (EFG) sebelum dibawa ke peringkat Data Centre Task Force (DCTF), dengan mengambil kira keupayaan sistem membekalkan tenaga, rangkaian penghantaran dan pengagihan elektrik serta keperluan pelaburan infrastruktur.

Dalam pada itu, Fadillah berkata hingga Ogos 2026, permintaan elektrik pusat data yang dikontrakkan berjumlah 2,346 megawatt (MW), manakala penggunaan sebenar 1,374 MW atau 58.5 peratus. — Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.